

KBAT
KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

LATIH TUBI 30 TOPIK BAHASA MELAYU

600 SOALAN TATABAHASA

BONUS

- ✓ TIP BIJAK BAHASA
- ✓ PETA MINDA
- ✓ KOSA KATA

TAHUN 4 • 5 • 6




SULAIMAN MOIDEN
ABDUL HAMID MOIDEN

Pilih kata sendi yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

1. Apabila kakak Aiman diberi pilihan ^{选择} _____ baju kurung atau baju kebaya, dia memilih baju kurung.
A. antara ^{其中} B. dengan
C. di antara ^{在中间} D. daripada
2. Hairi sedang menyambung ^{学业} pengajiannya _____ bidang ^{科系} Kejuruteraan Mekanikal di Universiti Teknologi Malaysia.
A. di B. dalam
C. dengan D. ke
3. Beg tangan berharga ratusan ringgit itu dijahit dengan teliti menggunakan benang yang diperbuat _____ emas.
A. dari B. dalam
C. dengan D. daripada
4. Kita mestilah belajar dengan bersungguh-sungguh _____ mengubah ^{命运} nasib keluarga. ^{改变}
A. demi B. dengan
C. tentang D. laksana ^{好像}
5. Majlis sambutan ulang tahun kelahiran abang yang kedua puluh akan diadakan _____ Restoran Pizza Hut.
A. di B. oleh
C. dalam D. dengan
6. "Tolong berikan bungkusan berisi rempah kari ini _____ ibu kamu," pesan Nenek Timah.
A. ke B. antara
C. sampai D. kepada
7. Anugerah Tokoh Pelajar itu disampaikan _____ Pengarah Pendidikan Daerah Johor Bahru sempena Hari Anugerah Kecemerlangan di SK Permata.
A. dari B. oleh
C. kepada D. terhadap
8. "Tolong tuliskan nama penuh dan nombor telefon kamu _____ kertas ini untuk tindakan susulan," kata pegawai bank berbadan gempal itu.
A. di B. pada
C. dalam D. kepada
9. _____ Ain berpindah ke Kelantan, Sarah sering kelihatan makan bersendirian di kantin.
A. Dari B. Sejak
C. Sampai D. Daripada
10. Nenek sedang berbual-bual dengan ibu _____ kebun sayur-



- sayuran di belakang rumahnya yang musnah dilanda banjir.
- A. akan B. sejak
C. tentang D. laksana
11. Beberapa kes telah difailkan oleh orang ramai _____ pihak pemaju perumahan yang melarikan wang tunai mereka.
- A. pada B. kepada
C. tentang D. terhadap
12. Jam tangan bertatahkan berlian yang dipakai oleh Sarah itu dihadiahkan _____ suaminya.
- A. oleh B. demi
C. daripada D. untuk
13. Bulan Bahasa yang dirasmikan pada hari ini akan berlanjutan _____ hujung bulan ini.
- A. ke B. dari
C. sehingga D. daripada
14. Pasukan bola jaring sekolah saya gagal melayakkan diri _____ peringkat akhir setelah tewas pada peringkat separuh akhir.
- A. di B. ke
C. sejak D. kepada
15. Fenomena pemanasan global berpunca _____ pembebasan gas rumah hijau yang tidak terkawal ke atmosfera Bumi.
- A. dari B. sejak
C. kepada D. daripada
16. Rumah Iskandar terletak _____ balai polis dan perpustakaan awam.
- A. di B. dari
C. antara D. di antara
17. _____ di bangku sekolah lagi, bakat Aidil dalam pertandingan pidato telah terserlah.
- A. Hingga B. Dari
C. Daripada D. Semenjak
18. "_____ kamu membazir masa dengan bermain permainan video, lebih baik kamu mengulang kaji pelajaran," kata ayah.
- A. Dari B. Sejak
C. Selama D. Daripada
19. Khairi baru sahaja pulang _____ pejabat apabila mendapat berita tentang kemalangan ngeri yang menimpa adik bongsunya.
- A. ke B. dari
C. dengan D. daripada



20. Maria mendeklamasikan sebuah sajak yang ditujukan _____ guru-gurunya sewaktu majlis Sambutan Hari Guru di sekolahnya.
- A. ke B. dengan
C. kepada D. tentang